



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "AL-QURAN PETUNJUK KEHIDUPAN"

1 Mac 2024 / 20 Syaaban 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدًى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّذِينَ كُلُّهُو وَكَفَى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُمْ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Ilahi dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita dilimpahi taufik dan hidayah, diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena Majlis Tilawah & Hafazan al-Quran peringkat negeri Perak yang akan berlangsung pada 5 hingga 7 Mac, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: "AL-QURAN PETUNJUK KEHIDUPAN"

Firman Allah SWT, ayat pertama surah Ibrahim:

﴿الرَّ كَتَبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صَرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴾

Bermaksud: Alif Lam Ra, Inilah kitab (al-Quran) yang Kami turunkan kepada mu (Muhammad) agar kamu mengeluarkan manusia daripada gelap gelita kepada cahaya dengan izin Tuhan mereka, (iaitu) menuju jalan Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.

Al-Quran adalah kalamullah suci, bersifat qadim (sedia ada), dan mempunyai kebaikan kepada manusia yang tiada penghujung, terutama kepada orang beriman.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Al-Quran merupakan petunjuk kehidupan bagi orang bertakwa, seperti firman Allah SWT yang terkandung dalam ayat kedua surah al-Baqarah;

﴿ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَبَّ لَهُ بِهِ هُدَىٰ لِّلْمُتَّقِينَ ﴾

Bermaksud: Kitab (al-Quran) ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang bertakwa.

Sekalian manusia amat beruntung kerana al-Quran terbukti berjaya mengeluarkan manusia daripada kegelapan dan kejahilan kepada kehidupan yang penuh aturan bertunjangkan pengabdian yang benar, hanya kepada Allah SWT. Sejak al-Quran diturunkan, masyarakat Arab, dan umat Islam khususnya, berubah kepada kehidupan yang lebih bermakna. Masyarakatnya hidup bersatu, atas dasar persaudaraan akidah, menjalani tatacara hidup yang lebih baik, dengan wujudnya sistem pemerintahan dan perundangan yang adil bertunjangkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Allah SWT telah menjamin tidak akan berlaku sebarang kekurangan mahupun kesilapan terhadap ayat-ayat yang terkandung dalam al-Quran sehingga hari akhirat. Al-Quran kekal terpelihara daripada diubah atau dipesongkan oleh tangan-tangan manusia. Keaslian al-Quran sebagai sumber utama pedoman manusia akan kekal, berdasarkan jaminan Allah yang difirmankan dalam surah al-Hijr ayat 9 bermaksud:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya”.

Bacaan al-Quran apabila dihiasi dengan seni taranum (seni bacaan) berserta kemerduan suara pembacanya, tidak akan menjemukan, malah mengasyikkan, sekalipun dibaca berulang kali. Pada zaman Nabi SAW beberapa orang sahabat seperti Ubai Bin Kaab, Abdullah ibnu Mas'ud dan Muaz bin Jabal yang mempunyai kemerduan suara, sering diminta mengalunkan bacaan al-Quran kepada para sahabat. Tiada puisi dan lirik lagu ciptaan manusia yang boleh menandingi kehebatan keindahan al-Quran.

Cara pembacaan al-Quran yang dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat terus dipelihara dan diwarisi oleh pembaca al-Quran daripada generasi ke-generasi dengan pelbagai jenis qiraat (cara bacaan) yang diiktiraf. Begitulah, Allah SWT telah mempermudah al-Quran untuk dipelajari dan dibaca oleh semua kaum dan keturunan sebagai petunjuk kehidupan. Kemerduan dan keasyikan mendengar alunan al-Quran,



sekali gus mendatangkan ketenangan jiwa dan perasaan kepada pembaca dan pendengarnya. Sekeras mana hati manusia, boleh dilunakkan dengan mukjizat yang agung ini.

### **Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi**

Amalan membaca al-Quran akan memberikan banyak faedah dan kebaikan di dunia dan di akhirat. Selain pengubat jiwa dan menenangkan perasaan, al-Quran berupaya menyelamatkan pembacanya dari seksa api neraka seterusnya dijanjikan kurniaan syurga, berpandukan hadis Rasulullah SAW:

**يُقَالُ لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ: اقْرُأْ، وَارْتَقِ، وَرَتَّلْ كَمَا كُنْتَ تُرَتَّلَ فِي الدُّنْيَا، فَإِنَّ مَنْزِلَكَ عِنْدَ آخِرٍ آيَةٍ تَقْرُوْهَا**

Bermaksud: Dikatakan kepada pembaca al-Quran; “Bacalah dan naiklah, bacalah sebagaimana kamu membacanya di dunia. Sesungguhnya tempat kamu di (syurga) adalah pada ayat terakhir yang kamu bacakannya” (Hadis Riwayat Abu Daud)

Hadis ini menerangkan bahawa kedudukan seseorang di dalam syurga diambil kira berdasarkan sebanyak mana bacaan dan tadabbur al-Quran yang telah lakukan. Semakin banyak membaca al-Quran semakin tinggi darjah syurga diberikan. Al-Quran juga menjadi syafaat kepada pembacanya. Rasulullah SAW bersabda:

**اقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ**

Bermaksud: “Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat (penolong) kepada para pembacanya”. (Hadis Riwayat Muslim)

### **Jemaah yang dilimpahi petunjuk Ilahi,**

Banyak kajian ahli sains Islam yang menggunakan al-Quran sebagai sumber rujukan. Contohnya, Al-Khawarizmi, mengasaskan ilmu persamaan algebra dalam matematik setelah menganalisis ayat 11 surah al-Nisa, berkaitan penyelesaian pembahagian harta pusaka; Al-Haitami melakukan kajian ilmu falak berdasarkan ayat 61 surah al-Furqan; Ibnu Sina, Al-Farabi dan ramai lagi ilmuwan Islam menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama ketika melakukan kajian-kajian ilmu sains.

Al-Quran terbukti membenarkan fakta-fakta penemuan sains. Pelbagai ilmu pengetahuan dan panduan kehidupan dunia dan ukhrawi termaktub dalam al-Quran. Asas-asas ilmu dalam bidang-bidang matematik, sains, teknologi, perubatan, ekonomi,



perundangan, kenegaraan, peperangan, kemasyarakatan, kekeluargaan, dan pelbagai bidang lain yang diperlukan oleh manusia, kesemuanya terkandung dalam al-Quran. Oleh itu, ummah dituntut bersungguh-sungguh melakukan kajian akan kandungan al-Quran, agar sentiasa berada di jalan yang direndai llahi.

**Jemaah Rahimakumullah,**

Mimbar mengutarakan kesimpulan berikut:

**Pertama:** Al-Quran ialah mukjizat yang kekal sehingga hari ini dan satu-satunya petunjuk yang boleh membawa kesejahteraan hidup dunia dan akhirat. Al-Quran mestilah dipelajari, difahami, dihayati, dijadikan pedoman dan panduan, serta teman sepanjang kehidupan.

**Kedua:** Ummah hendaklah setiap hari memperuntukkan masa walau sesingkat mana, untuk membaca dan mentadabbur al-Quran walaupun hanya beberapa ayat, mendidik diri sehingga membaca dan mentadabbur al-Quran menjadi amalan harian.

**Ketiga:** Pentafsiran al-Quran mestilah menggunakan sumber-sumber yang telah disahkan oleh sarjana Islam kerana al-Quran mesti ditafsirkan mengikut disiplin ilmunya dan tidak memadai hanya mengikut logik akal.

**Keempat:** Pengajaran al-Quran wajib dihayati dan diimani secara keseluruhan, bukan dipilih berdasarkan pilihan hati dan nafsu, kerana perbuatan beriman dengan sebahagian al-Quran tetapi pada masa sama mengkufuri sebahagiannya, merupakan perbuatan tercela seperti yang Allah SWT tegaskan dalam ayat 150, surah an-Nisa; bermaksud: Sesungguhnya orang yang kufur ingkar terhadap Allah dan para Rasul Nya, dan (mereka yang) hendak membeza-bezakan antara keimanan mereka terhadap Allah dan para Rasulnya dan berkata, "Kami beriman kepada sebahagian Rasul itu dan kami mengingkari sebahagian (yang lain)", dan mereka bertujuan hendak mengambil jalan lain antara iman dan kufur itu.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَن سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>6</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamain!,** limpahi kami Rahmat Mu agar kami jatuh kasih kepada al-Quran, sentiasa mendampingi al-Quran, membaca, memahami dan menghayatinya. Sinarkan hati kami dengan cahaya al-Quran agar menjadikan panduan dalam kehidupan harian kami.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَاتَ عَذَابَ النَّارِ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ الْمُنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٦﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.